

## **TERMA DAN SYARAT BAGI “PROGRAM STAR ACHIEVER”**

Public Bank Berhad (6463-H) [“PBB”] telah melancarkan “Program Star Achiever” (“Program”) di bawah Akaun Simpanan WISE (“Akaun”) yang bertujuan untuk memberi ganjaran kepada kanak-kanak yang cemerlang dalam pelajaran mereka.

### **1) Tempoh**

- 1.1 Program ini akan dijalankan setiap tahun mulai Januari hingga Disember (“Tempoh Program”).

### **2) Kelayakan**

- 2.1 Program ini terbuka kepada semua Pemegang Akaun Simpanan WISE baharu dan sedia ada sepanjang Tempoh Program (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Peserta yang Layak mestilah pelajar sekolah rendah dan menengah yang menduduki peperiksaan kerajaan, misalnya UPSR, PT3 dan SPM sepanjang Tempoh Program.
- 2.3 Anak/Anak-anak kakitangan tetap/kontrak Kumpulan Public Bank layak untuk mengambil bahagian dalam Program ini.
- 2.4 Peserta yang Layak bagi Program ini terbahagi kepada tiga (3) kategori dan mestilah telah memperoleh keputusan minimum dalam peperiksaan kerajaan, seperti yang berikut:-

<b>Kategori</b>	<b>Pencapaian Minimum*</b>
<b>Kategori A:</b> Pelajar sekolah rendah yang menduduki peperiksaan UPSR.	5 A
<b>Kategori B:</b> Pelajar sekolah menengah yang menduduki peperiksaan PT3.	7 A
<b>Kategori C:</b> Pelajar sekolah menengah yang menduduki peperiksaan SPM.	8 A
* Seperti yang tercatat dalam Slip Keputusan Peperiksaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan atau yang setara dengannya.	

- 2.5 Baki purata harian minimum sebanyak RM500.00 perlu sentiasa ada dalam Akaun sepanjang Tempoh Program.
- 2.6 Akaun mestilah aktif sepanjang Tempoh Program dan sehingga PBB mengumumkan nama-nama Penerima Hadiah Tunai bagi Tempoh Program yang berkenaan.
- 2.7 Untuk Akaun baharu yang dibuka pada tahun peperiksaan, Peserta yang Layak mesti membuka Akaun sebelum tarikh peperiksaan yang berkenaan.

### **3) Pengemukaan Keputusan Peperiksaan dan Kriteria Kelayakan**

- 3.1 Ibu bapa/Penjaga dan anak di bawah umur dianggap sebagai seorang individu bagi tujuan Program ini. Bagaimanapun, hanya pelajar di bawah umur itu sahaja yang layak untuk mengambil bahagian dalam Program ini dan akan dianggap sebagai Peserta yang Layak. Sekiranya akaun tersebut adalah akaun bersama dan lebih daripada seorang (1) kanak-kanak menjadi pihak kepada akaun tersebut, pengemukaan keputusan peperiksaan seorang (1) kanak-kanak sahaja yang akan diterima sebagai penyertaan dalam Tempoh Program yang berkenaan.

- 3.2 Penyertaan dalam Program ini adalah melalui pengemukakan keputusan peperiksaan di atas melalui laman web PBB di [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com) atau ke cawangan pemegang akaun Peserta yang Layak (berserta Slip Keputusan Peperiksaan asal dan salinan foto untuk disahkan dan disimpan oleh cawangan). Apabila pendaftaran dalam talian berjaya dibuat, orang yang menghantar akan menerima makluman daripada PBB. Setiap pendaftaran yang berjaya akan diberi nombor siri.
- 3.3 Hanya satu (1) pengemukakan diperlukan bagi setiap peperiksaan selagi pengemukakan itu memenuhi terma-terma seperti dalam Perkara 2.4 di atas mengikut kategori pelajar berkenaan.
- 3.4 Hanya keputusan peperiksaan kerajaan yang boleh disahkan menerusi slip keputusan daripada Lembaga Peperiksaan atau yang setara dengannya (iaitu peperiksaan UPSR, PT3, SPM) layak untuk dikemukakan bagi penyertaan dalam Program ini.
- 3.5 Tarikh pengemukakan keputusan peperiksaan mulai tarikh pengumuman keputusan bagi Tempoh Program yang berkenaan melalui dua saluran seperti yang dinyatakan dalam Perkara 3.2 adalah seperti yang berikut:-

Kategori	Tarikh Pengemukakan Perlu Dibuat pada
UPSR	31 Januari tahun berikutnya
PT3	
SPM	30 April tahun berikutnya

#### 4) Hadiah Tunai

- 4.1 Program ini menawarkan sejumlah 600 Hadiah Tunai. Hadiah Tunai bagi SETIAP kategori Program ini adalah seperti yang berikut:-

Kategori	Hadiah Tunai untuk setiap Penerima	Bilangan Maksimum Penerima
UPSR	RM50	200
PT3	RM100	200
SPM	RM200	200

#### 5) Pemilihan Penerima Hadiah Tunai

- 5.1 Penerima Hadiah Tunai bagi setiap kategori akan dipilih berdasarkan 200 penyertaan pertama dengan bilangan A terbanyak yang diperoleh tetapi mestilah memenuhi pencapaian minimum seperti Perkara 2.4 di atas. Sekiranya lebih daripada 200 penyertaan layak untuk Hadiah Tunai tersebut (misalnya 300 penyertaan bagi kategori UPSR yang mencapai 5A), penerima yang berpotensi akan disenarai pendek berdasarkan baki purata harian tertinggi dalam Akaun itu sejak satu (1) tahun yang lepas.
- 5.2 Setiap penerima yang layak berhak menerima satu Hadiah Tunai untuk setiap keputusan peperiksaan bagi Tempoh Program yang berkenaan.
- 5.3 Senarai akhir Penerima Hadiah Tunai akan diumumkan melalui laman web Bank di [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com) dalam tempoh masa yang munasabah.

#### 6) Pembayaran Hadiah Tunai

- 6.1 Hadiah Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan WISE Penerima Yang Layak dalam tempoh waktu yang munasabah selepas tersiarnya senarai Penerima Hadiah Tunai melalui [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com) atau tarikh lain seumpamanya seperti mana yang dianggap wajar oleh PBB.

- 6.2 Akaun Simpanan WISE Penerima yang Layak mesti kekal aktif untuk pengkreditan Hadiah Tunai jika tidak kelayakan itu akan ditarik balik.
- 6.3 PBB berhak untuk menyiarkan atau mempamerkan nama, nombor sijil MyKad/MyKid/sijil kelahiran, gambar atau maklumat lain mengenai Penerima Hadiah Tunai Program ini untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Dengan mengambil bahagian dalam Program ini, ibu bapa/penjaga dan Peserta yang Layak memberi keizinan dan bersetuju bahawa PBB berhak untuk menyiarkan atau mempamerkan nama, nombor MyKad/MyKid/sijil kelahiran, gambar atau maklumat lain mengenai penerima Hadiah Tunai Program ini untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

## **7) Liabiliti dan Tanggungjawab**

- 7.1 Bukti pengemukaan keputusan peperiksaan melalui laman web PBB atau di cawangan bukanlah bukti pendaftaran dan PBB tidak boleh dalam apa juga keadaan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab ke atas apa-apa penangguhan dan/atau tidak terimaan dan/atau transmisi pengemukaan keputusan yang tidak berjaya dibuat di bawah Program ini daripada Peserta yang Layak atas apa juga sebab. Apa-apa rayuan untuk menerima pengemukaan keputusan peperiksaan selepas tarikh perlu dikemukakan tidak akan dilayan.
- 7.2 PBB berhak untuk membatalkan, menghentikan atau menunda Program ini dengan notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu melalui laman web Bank. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, pemberhentian atau penundaan oleh PBB berhubung dengan Program tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk membuat tuntutan atau meminta ganti rugi daripada PBB bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pembatalan, pemberhentian atau penundaan tersebut.
- 7.3 PBB berhak atas budi bicara mutlaknya untuk meminda, memotong atau membuat penambahan kepada mana-mana Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu melalui laman web Bank dan pindaan, pemotongan atau penambahan berkenaan akan berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditentukan oleh PBB. Ibu bapa/Penjaga dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi pindaan, pemotongan atau penambahan berkenaan.
- 7.4 PBB tidak bertanggungjawab dalam apa juga cara, atas kegagalan teknikal dalam apa juga bentuk, campur tangan orang yang tidak dibenarkan dan kesilapan elektronik dan manusia dalam pengurusan dan perjalanan Program ini.

## **8) Dokumen Rahsia**

- 8.1 Kandungan borang permohonan dalam talian adalah rahsia tertakluk pada Perkara 6.3 di dalam ini dan hanya bertujuan untuk digunakan oleh PBB.

## **9) Am**

- 9.1 Pemilihan akhir bagi Penerima Hadiah Tunai adalah atas budi bicara PBB. Keputusan PBB bagi semua perkara berkaitan dengan Program ini, termasuk keputusan para pengadil Program dalam menentukan Penerima Hadiah Tunai ini adalah muktamad dan mengikat.
- 9.2 Dengan mengambil bahagian dalam Program ini, ibu bapa/penjaga Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat di dalam ini dan bersetuju bahawa keputusan PBB berkaitan dengan Program ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif.
- 9.3 Program ini adalah tertakluk pada peraturan, arahan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan pengawalseliaan seumpamanya yang berkenaan.

**[ RUANG DI BAWAH INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG ]**